

KENYATAAN MEDIA**SWM KASIH CERIA DEEPAVALI BERSAMA ANAK-ANAK PUSAT JAGAAN RHEMA.**

SEREMBAN, 25 OKTOBER 2019 - SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) melalui entiti tanggungjawab sosial korporat, SWM Kasih mendekati anak-anak seramai 14 orang di Pusat Jagaan Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Rhema bersempena dengan sambutan perayaan Deepavali tidak lama lagi.

“Setiap kali perayaan, pihak SWM Environment akan memastikan SWM Kasih dilaksanakan bagi membantu dalam kebajikan dan kebaikan kepada masyarakat setempat dengan menyalurkan bantuan yang bersesuaian,” kata Pengurus Wilayah Melaka & Negeri Sembilan, SWM Environment Sdn Bhd, Dr Al’Ashari Bin Haji Othman.

Pihak syarikat turut menyumbang duit raya, barangan keperluan sekolah, cek tunai serta barangan keperluan rumah kepada pusat jagaan tersebut. Bagi menyemarakkan suasana perayaan, 15 sukarelawan SWM Kasih turut melaksanakan kerja-kerja pembersihan pada 22 Oktober 2019 demi memastikan kawasan tersebut berada dalam keadaan bersih dan ceria bagi menyambut kedatangan perayaan Deepavali.

Anak-anak di Pusat Jagaan Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Rhema telah diraikan dalam suasana ceria, menggirangkan dan interaktif bagi memastikan mereka merasa disayangi dan dikasihi. Pihak syarikat juga tidak lupa untuk berkongsi tentang kesedaran amalan kitar semula dengan menyampaikan taklimat serta membuat aktiviti hiasan burung origami menggunakan kertas terpakai.

Pihak syarikat sentiasa prihatin akan keperluan masyarakat setempat dan berusaha untuk memberikan bantuan kebajikan selain daripada perlaksanaan kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam.

SWM Kasih juga akan turut bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat serta wakil setempat bagi memastikan bantuan dapat diberikan serta bersama-sama dengan kerajaan dalam memastikan golongan sasaran sentiasa diberikan perhatian sewajarnya.

Bagi sebarang aduan atau pertanyaan sila hubungi talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472**.

TAMAT.

FAKTA
SWM ENVIRONMENT SDN BHD

SWM Environment Sdn Bhd. (SWM Environment) adalah syarikat konsesi yang bertanggungjawab untuk mengendalikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam di wilayah selatan. Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM Environment menyediakan perkhidmatan kepada 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan tenaga kerja seramai 12,000 orang dan mempunyai kenderaan serta jentera melebihi 1,000 buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman sesawang www.swm-environment.com untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan perkhidmatan syarikat SWM Environment.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Pn. Nurul Liza Mohd Najib

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat,

SWM Environment Sdn. Bhd. (Negeri Sembilan)

(Tel) 06 – 601 4276/78/80, 012- 684 7168

(Faks) 06 – 601 4279